

Headline	Jangan pinggirkan penghidap HIV AIDS		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	30 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	120,848
Page No	6	Readership	269,000
Language	Malay	ArticleSize	172 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,061
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,183



Jangan pinggirkan penghidap HIV, AIDS

PUTRAJAYA - Masyarakat sihat perlu membuang persepsi negatif terhadap penghidap HIV dan AIDS bagi mengelak golongan itu merasa tersisih dan malu untuk berhadapan dengan orang ramai.

Menurut selebriti, Fahrin Ahmad, stigma dan diskriminasi terhadap mereka yang hidup dengan virus HIV dan AIDS perlu dihentikan bagi memberi peluang kepada golongan itu untuk meneruskan kehidupan tanpa rasa malu.

"Mereka sepatutnya diberikan bantuan dan sokongan yang berterusan dan bukannya dipinggirkan.

"Sokongan anda boleh disalurkan kepada Majlis AIDS Malaysia (MAM) dalam program-program rawatan

dan jagaan untuk mereka yang hidup dengan HIV," ujarnya.

Katanya, orang ramai harus dididik bagaimana penyakit HIV dan AIDS tersebar memandangkan masih ramai yang tidak faham cara virus tersebut menular.

Seorang lagi selebriti, Bob AF2 berkata, dia bersyukur apabila diberi peluang menyertai MAM dalam misi mendidik masyarakat mengenai HIV dan AIDS yang mewakili suara golongan berkenaan.

"Golongan ini masih menjadi mangsa diskriminasi walaupun kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti MAM sentiasa menyuarakan isu ini di media agar tidak meminggirkan mereka," katanya.



BOB AF (kiri) memberi penerangan kepada pengunjung mengenai AIDS pada Karnival BEST di Laman 1Malaysia, Presint 2, Putrajaya semalam.